

SOALAN NO: 49

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS

TARIKH : 16 JUN 2015

SOALAN :

YB Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah paling tinggi bilangan pesakit yang dimasukkan ke hospital Kerajaan dan namakan 3 hospital paling tinggi yang menerima pesakit di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Statistik terkini bagi jumlah kemasukan pesakit dalam dan kedatangan pesakit luar di hospital-hospital Kerajaan adalah bagi tahun 2013. Jumlah ini merujuk kepada *encounter* pesakit yang merangkumi kemasukan dan kedatangan pesakit di hospital buat pertama kali dan juga ulangan.

Pada tahun 2013, terdapat 149 buah hospital kerajaan di seluruh Malaysia. Daripada jumlah ini, 141 buah hospital adalah hospital milik Kementerian Kesihatan Malaysia, 5 buah hospital Angkatan Tentera

di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia dan 3 buah hospital universiti milik Kementerian Pendidikan Malaysia. Jumlah kemasukan pesakit dalam atau *admission* di semua hospital tersebut adalah 2,302,627 dan jumlah kedatangan pesakit luar adalah 21,622,856 (*Sumber: Health Facts 2014*).

Pada tahun 2013, Hospital Kuala Lumpur (HKL) mencatatkan jumlah kemasukan pesakit dalam dan kedatangan pesakit luar yang paling tinggi iaitu 121,931 kemasukan dan 1,122,681 kedatangan pesakit luar.

Dua lagi hospital kerajaan yang mencatatkan jumlah kemasukan pesakit paling ramai adalah Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang iaitu 89,429 kemasukan, dan Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru dengan 87,854 kemasukan. Manakala bagi kedatangan pesakit luar, Hospital Pulau Pinang dan Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh merekodkan jumlah yang tertinggi selepas HKL, iaitu masing-masing dengan 675,102 dan 507,710 kedatangan.

SOALAN (51)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 16 JUN 2015
[SELASA]

DARIPADA : Y.B. IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL
[KANGAR]

SOALAN :-

Y.B. IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah penyelidikan berkaitan pembangunan (R&D) teknologi perumahan yang dijalankan dengan kerjasama Kementerian dan agensi berkaitan agar teknologi yang digunakan lebih efisien dan efektif kosnya kepada rakyat.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sentiasa menggalakkan penyelidikan dan pembangunan teknologi-teknologi baru yang bermanfaat kepada industri perumahan negara. Melalui salah satu pelan tindakan Dasar Perumahan Negara (DRN), Kementerian ada menggariskan galakan kepada penggunaan kaedah Sistem Industri Binaan (*Industrialised Building System - IBS*) dalam pembinaan projek perumahan awam dan swasta di seluruh negara. Dalam merealisasikan matlamat tersebut, Kementerian telah dan akan terus menjalinkan kerjasama erat dengan Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) mengenai hal ini.

Seperti yang kita sedia maklum, kos penggunaan teknologi IBS agak tinggi berbanding kaedah konservatif sedia ada. Walau bagaimanapun, penggunaannya telah dijamin akan dapat mempercepatkan tempoh

pembinaan dan mengurangkan kos penyenggaraan bangunan. KPKT telah menggunakan pakai IBS secara meluas di dalam pembinaan Projek Perumahan Rakyat (PPR).

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Jun 2015